

# Dalihan Pertahanan Persendirian dalam Undang-undang Islam

Shamsiah Mohamed

## Abstract

*“Self defence” is one of the exceptions of criminal responsibility in the Islamic criminal law. It is permitted in Islam based on the injunction that any misdeed harmful to the ummah must be avoided. However the validity of the defence depends on howfar is the stipulated conditions are fulfilled.*

## Pendahuluan

Dalam menjalani kehidupan seharian, seseorang selalu terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman atau pencerobohan. Ia mungkin melibatkan nyawa sendiri atau nyawa orang lain, harta sendiri atau harta orang lain, maruah sendiri atau maruah orang lain. Dalam menghadapi situasi ini, pada kebiasaannya orang akan melakukan sesuatu tindakan demi mempertahankan diri atau apa juga yang menghadapi ancaman atau pencerobohan berkenaan. Persoalannya, apakah tindakan tersebut dibenarkan oleh undang-undang dengan dikecualikan daripada menjadi

sebab kepada tanggungjawab jenayah?

### **Definisi**

Dalam Undang-undang Islam, tindakan seperti itu secara umumnya disebut sebagai pertahanan persendirian.<sup>1</sup> Al-Janzuri<sup>2</sup> menghuraikannya sebagai pertahanan terhadap ancaman yang menyalahi undang-undang. Yusuf Qasim<sup>3</sup> pula menyebut ia adalah menolak setiap pencerobohan yang tidak diharuskan oleh Syarak.

Berasaskan definisi-definisi di atas ternyata bahawa istilah “Pertahanan Persendirian” itu secara umumnya merangkumi suatu pengertian yang luas. Ini kerana ia merujuk kepada penolakan terhadap setiap perbuatan yang “melampaui batas” atau *al-i'tida'* yang tidak diharuskan oleh Syarak.

Walau bagaimanapun, sebagai satu istilah khusus dalam Undang-Undang Jenayah Islam, pertahanan persendirian ini dihuraikan sebagai menentang pencerobohan (*daf' al-sa'il*). Ia membawa maksud menolak pencerobohan yang tidak diharuskan oleh Syarak demi mempertahankan diri, harta dan maruah.<sup>4</sup>

Dalam penulisan ini, perbincangan akan ditumpukan kepada Pertahanan Persendirian Khas (*daf' al-sa'il*) sahaja. Ini kerana ia berkait secara langsung dengan perbuatan yang dilakukan oleh orang yang menghadapi penceroboh dan dikecualikan daripada tanggungjawab jenayah .

### **Dasar dan Hukum Pertahanan Persendirian**

Asas yang mengharuskan seseorang yang dicerobohi mengambil tindakan tertentu menghadapi pencerobohan berkenaan terdapat, antara lain dalam firman Allah yang bermaksud:

*“Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu, maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa”*

*(al-Baqarah (2): 194)*

Dalam *al-Tafsir al-Kabir*, FakhruRazi<sup>5</sup> menjelaskan bahawa ayat di atas mengandungi suruhan membalas setiap pencerobohan dengan bentuk dan kadar yang sama. Ini bererti bahawa pembalasan boleh dilakukan secara serentak atau selepas tindakan jahat berkenaan berlaku. Cuma, kalau pembalasan itu dilakukan selepas berlakunya pencerobohan ia dinamakan sebagai “qisas” manakala pembalasan semasa pencerobohan itu berlaku dinamakan sebagai mencegah pencerobohan (*daf' al-sa'il*). Kata al-Qurtubiy, firman Allah yang bermaksud “Sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu” ini umum dan ia telah disepakati (oleh para ulama). Ia membawa dua

maksud iaitu mencegah pencerobohan dengan secara langsung dan mencegahnya dengan membawanya ke muka pengadilan".<sup>6</sup>

Daripada tafsiran al-Qurtubiy di atas jelas bahawa pertahanan persendirian diharuskan. Ini kerana perbuatan "mencegah pencerobohan secara langsung" merujuk kepada tindakan orang yang dicerobohi semasa pencerobohan itu sedang berlaku. Dalam situasi inilah dia disifatkan sebagai mempertahankan dirinya.

Selain daripada ayat al-Quran di atas, keharusan pertahanan persendirian ini juga dapat difahami dari hadis berikut yang bermaksud:<sup>7</sup>

*"Diriwayatkan Sa'id bin Zayd berkata: Aku mendengar Rasulullah (s. a.w.) bersabda: Barangsiapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya, dia mati syahid dan barangsiapa yang terbunuh kerana mempertahankan agamanya, dia mati syahid, dan barangsiapa yang terbunuh kerana mempertahankan darahnya, dia mati syahid dan barangsiapa yang terbunuh kerana mempertahankan ahli keluarganya, dia mati syahid"*

*(Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi)*

Al-San'aniy,<sup>8</sup> dalam *Subul al-Salam*, menegaskan bahawa hadis di atas menjadi dalil kepada harusnya mempertahankan diri.

#### **Asas Pertahanan Persendirian.**

Apa yang dimaksudkan dengan asas di sini ialah prinsip perundangan bagi sesuatu ketentuan berkenaan. Bagi hak pertahanan persendirian. Prinsip tersebut diertikan sebagai "kemudaratan itu dihapuskan."<sup>9</sup>

Prinsip ini berdasarkan kepada riwayat Ibn Majah<sup>10</sup> daripada Ibn 'Abbas (r. 'a.) bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*"Tidak ada mudarat dan tidak ada yang memudaratkan "*

*(Diriwayatkan oleh Ibn. Majah)*

Kata al-Imam JalaludDin al-Suyutiy dalam *al-Asybah wa al-Naza'ir* :

*"Kaedah yang keempat ialah kemudaratan itu dihapuskan. Dalilnya ialah sabda Rasulullah (s. a.w.): Tidak ada mudarat dan tidak ada yang memudaratkan"<sup>11</sup>*

Berbagai-bagai penafsiran telah diberikan terhadap perkataan mudarat (*darar*) yang terdapat dalam hadis di atas. Bagi Yusuf Qasim,<sup>12</sup> apa yang dapat difahami daripada hadis tersebut ialah Rasulullah (s. a.w.) melarang sesiapa sahaja menyebabkan kemudaratan (*darar*) secara umum. Jadi, hak pertahanan persendirian ini bertujuan untuk menangkis kesan tindakan seperti itu.

#### **Syarat-syarat Pertahanan Persendirian.**

Seseorang itu boleh menggunakan hak mempertahankan diri dalam

pengertiannya yang khusus setelah memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>13</sup>

- i) Berlakunya pencerobohan  
Maksudnya di sini, perbuatan yang dilakukan ke atas orang yang dicerobohi (*al-Masul 'alaihi*) itu hendaklah berbentuk pencerobohan (*al-I'tida'*) iaitu perbuatan tanpa hak disisi undang-undang<sup>14</sup>.
- ii) Tindak balas yang semasa  
Maksudnya tindakan pertahanan persendirian itu hendaklah dilakukan sewaktu ancaman berkenaan masih berlaku. Sekiranya pencerobohan berkenaan telah tamat, tindak balas berkenaan tidak lagi disifatkan sebagai tindakan pertahanan. Ia sebaliknya bersifat pencerobohan.  
Tindak balas berkenaan juga tidak boleh dilakukan terlalu awal. Kerana kalau selagi ada peluang ia perlu dielakkan dan bantuan dari pihak berkuasa atau pihak lain perlu diperolehi.<sup>15</sup>  
Dalam menilai kedudukan ini para fuqaha berpendapat keadaan kritikal yang membolehkan tindakan pertahanan persendirian diambil berlaku apabila<sup>16</sup>:-
  - a. Pencerobohan berkenaan sudah hampir benar berlaku.
  - b. Pencerobohan telahpun berlaku dan masih berterusan.
- iii) Menggunakan cara yang perlu dan sesuai untuk menghalang pencerobohan.  
Dalam mempertahankan diri tindakan yang melebihi had yang sepatutnya tidak boleh dilakukan. Segala perbuatannya yang melebihi had disifatkan sebagai pencerobohan.<sup>17</sup> Disamping itu seseorang yang bermaksud untuk mempertahankan diri perlu terlebih dahulu menggunakan cara yang paling ringan bagi menghalang penceroboh berkenaan. Contohnya, tuan rumah yang dimasuki pencuri tidak boleh terus memukul pencuri berkenaan sekiranya dia boleh memaksa pencuri itu keluar dengan mengancam untuk memukulnya. Sekiranya pencuri itu tidak keluar juga, tuan rumah tersebut bolehlah memukulnya dengan pukulan yang ringan. Kalau tidak berjaya juga, dia boleh menggunakan cara yang lebih keras dan begitulah seterusnya. Walau bagaimanapun, sekiranya pencerobohan itu tidak dapat dihalang melainkan dengan cara membunuh penceroboh berkenaan atau jika ada kebimbangan yang berasas bahawa penceroboh itu akan membunuhnya pada bila-bila masa sahaja tuan rumah berkenaan, bolehlah mengambil apa saja tindakan yang munasabah sampai kepada peringkat mencederakan atau membunuh kerana darah penceroboh dalam keadaan itu sudah dikira halal.<sup>18</sup>
- iv) Tidak berpeluang untuk mendapatkan pertolongan pihak berkuasa.  
Apabila orang yang diceroboh tidak ada peluang untuk mendapatkan pertolongan pihak berkuasa, dia boleh bertindak mengikut yang sepatutnya untuk mempertahankan diri. Sebaliknya, dia tidak boleh bertindak sendiri kalau masih berpeluang meminta pertolongan pihak berkuasa.

## Penutup

Kesimpulannya, sesuatu tindakan yang dilakukan bagi tujuan pertahanan persendirian apabila memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh Syariat Islam tidak dianggap sebagai perbuatan jenayah. Dengan lain perkataan, tindakan berkenaan dikecualikan daripada tanggungjawab jenayah.

## CATITAN Hujung

1. Sebagai contoh lihat: 'AbdulQadir 'Audah, *al-Tasyri' al-Jina'iy al-Islamiy Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'iy*, jil. 1, Riyad: Maktabah al-Rusyd, (t.t.), h. 472; Yusuf Qasim, *Nazariyyah al-Difa' al-Syar'iy fi al-Fiqh al-Jina'iy al-Islamiy wa al-Qanun al-Jina'iy al-Wad'iy*, Qahirah: Dar al-Nahdah, 1985, h. 11.
2. Al-Janzeni Samu, *al-Usus al-'Ammah li Qanun al-'Uqubah Muqaranan bi Ahkam al-Syar'iyyah al-Islamiyyah*, Misr, 1972, h. 197.
3. Yusuf Qasim, *op. cit.*, h. 11.
4. Yusuf Qasim, *op. cit.*, h. 36.
5. Al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, juz. 5, cet. 5, Tehran: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, (t.t.), h. 135.
6. Al-Qurtubiy, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, juz 2, Qahirah: Dar al-Katib al-'Arabiyy, 1967, h. 334.
7. Al-Tirmidhi, *Sunan*, juz. 4, cet. 2, Misr: al-Halabiy, h. 30.
8. Al-San'aniyy, *Subul al-Salam*, juz. 4, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, 1960, h. 40.
9. Al-Suyutiy, *al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'iy*, Misr: al-Halabiy, 1959, h. 83.
10. Ibn Majah, *Sunan*, juz. 2, Bayrut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, (t.t.), h. 798.
11. Al-Suyutiy, *op. cit.*,
12. Yusuf Qasim, *op. cit.*, h. 48.
13. Lihat: 'Awdah, *op. cit.*, h. 479-483; Ahmad Fathi Bahnasi, *op. cit.*, h. 154.
14. Yusuf 'Ali Mahmud Hassan, *al-Arkan al-'Adiyyah wa al-Syar'iyyah li Jarimah al-Qatl al-'Amd wa Ajzatuha al-Muqarrarat fi al-Fiqh al-Islamiy*, jil. 1, 'Amman: Dar al-Fikr, (t.t.), h. 473.

15. *Ibid.*, h. 482.
16. Yusuf Qasim, *op. cit.*, h. 187.
17. 'Awdah, *op. cit.*, h. 483.
18. *Ibid.*